

02/09/2003

Warga kota cuba monorel

Saleha Safie

KUALA LUMPUR: Warga kota mengambil kesempatan cuti umum semalam untuk mencuba perkhidmatan KL Monorel, sehari selepas dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Hari Kebangsaan, kelmarin.

Pengurusan KL Monorel menawarkan harga promosi RM1 setiap perjalanan untuk tempoh sebulan dengan lima tren beroperasi bagi memberi peluang kepada orang ramai mencuba sebelum beroperasi sepenuhnya Oktober ini.

Tren pertama ciptaan negara itu mampu menampung 200 penumpang dalam satu masa.

Ketua Pemandu, Mohd Shamsury Shariff, berkata selepas dua hari KL Monorel beroperasi, sambutan orang ramai menggalakkan dengan setiap perjalanan dipenuhi penumpang.

"Kebanyakannya ingin mencuba perkhidmatan yang memberi kemudahan kepada mereka mengelakkan kesesakan lalu lintas.

"Ia hanya mengambil masa 19 hingga 20 minit dari stesen KL Sentral ke Titiwangsa," katanya.

Promoter Jaya Jusco, Chan Keng Yai, 26, berkata, beliau mengambil peluang cuti umum untuk menaiki KL Monorel dan akan menggunakannya sebagai pengangkutan utama ke tempat kerja selepas ini.

"Bagaimanapun, pengurusan perlu menambah stesen KL Monorel kerana masa cepat dan kalau boleh meliputi kawasan lebih jauh seperti disediakan sistem Transit Aliran Ringan (LRT).

"Tambah yang dikenakan berpatutan kerana perkhidmatan ini buatan Malaysia yang pertama," katanya.

Suri rumah, Bhawani Nair, 29, bagaimanapun berkata, hentian tren itu terlalu tinggi dan membahayakan orang ramai terutama kanak-kanak dan warga tua atau orang kurang upaya.

"Saya takut apabila pertama kali menaiki KL Monorel kerana sistem keselamatan kurang baik dan boleh mengancam nyawa jika tergelincir dari tempat menunggu tren," katanya.

Bhawani berkata, perkhidmatan itu berbeza dengan LRT tetapi berharap pengurusan menyediakan halangan untuk mengurangkan risiko bahaya kepada orang ramai.

Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Nada Nadirah Abdul Rahim, 21, berkata, perkhidmatan itu adalah kemudahan tambahan.

"Sebelum ini, saya menggunakan teksi ke Bukit Bintang. Apabila ada perkhidmatan ini, saya rasa lebih mudah dan cepat," katanya.

Pekerja Keretapi Tanah Melayu (KTM), Ariff Hakim Ramli, 25 pula bangga kerana menaiki tren buatan negara yang pertama.

"Perkhidmatan ini seperti LRT cuma bezanya ia tidak boleh menampung penumpang yang ramai dalam satu masa jika inginkan lebih keselesaan.

"Buat masa ini, saya berpuas hati dengan perkhidmatan KL Monorel dan akan menggunakannya jika ada kelapangan," katanya.

Sementara itu, Kerani pentadbiran, Yap May Ching, 32, mengambil peluang seisi keluarga menaiki KL Monorel sempena cuti umum.

"Anak saya yang ingin mencubanya selepas menonton di televisyen dan melihat iklan di tepi jalan. Ini adalah percubaan yang baik untuk membawa mereka mengenali tren buatan tempatan," katanya.

May berkata, sebagai rakyat Malaysia, beliau ingin turut serta memberi semangat dan sokongan kepada negara kerana berjaya mencipta tren untuk kemudahan orang ramai.